

ANALISA SATU ASPEK BM BERDASARKAN STRUKTURALISME

LUTFI ABAS

*Jabatan Pengajian Melayu
Universiti Malaya*

1. Strukturalisme

Strukturalisme adalah fahaman yang beranggapan bahawa sesuatu konsep dalam ilmu pengetahuan mestilah ditakrifkan berdasarkan kedudukan represensentasi konsep itu di antara representasi-representasi konsep-konsep lain. Misalnya, dalam linguistik, kita ambil konsep Nama. Konsep ini diwakili dalam BM oleh *rumah, guru, kucing, meranti, hari*, dsb.

Tetapi apakah takrif Nama menurut fahaman strukturalisme? Strukturalisme menghendaki bahawa takrif Nama mestilah berdasarkan kedudukan representasi Nama itu dalam hubungannya dengan representasi-representasi konsep-konsep lain. Konsep-konsep lain yang berhubungan dengan konsep Nama adalah Bilangan dan Penjodoh Bilangan (dan juga Penunjuk). Representasi Bilangan misalnya: *dua*. Representasi Penjodoh Bilangan misalnya: *buah, ekor, batang*.

Untuk membuat takrif Nama berdasarkan strukturalisme, kita memperhatikan data, misalnya:

*dua buah rumah
dua ekor burung
dua hari
dua persatuan
dua buah persatuan*

Kita lihat bahawa kedudukan setiap Nama di atas adalah selepas Bilangan atau Bilangan dan Penjodoh Bilangan. Dari data ini kita boleh mengambil satu hipotesa yang bunyinya agak-agak begini:

Nama adalah sesuatu perkataan yang kedudukannya adalah selepas Bilangan atau Bilangan dan Penjodoh Bilangan.

Setelah itu kita mencari data lain sebanyak-banyaknya untuk membuktikan benar atau tak benarnya hipotesa yang dikemukakan di atas. Dari sebanyak data yang kita ketahui hingga hari ini, hipotesa di atas ternyata benar. Maka kita pun membuat kesimpulan bahawa memang Nama adalah setiap perkataan yang mempunyai kedudukan selepas Bilangan atau Bilangan dan Penjodoh Bilangan.

2. Kesulitan-kesulitan

Masalah yang terbesar ialah masyarakat kita yang kelihatannya tidak suka dengan pendekatan strukturalisme. Mereka lebih suka dengan pendekatan mentalisme, iaitu pendekatan yang berdasarkan pengetahuan etik (pengetahuan yang tidak dapat diterangkan) dan intuisi (juga tidak dapat diterangkan terutama dengan kata-kata). Menurut masyarakat kita,

Nama ialah perkataan yang menyebut benda, orang, binatang, tumbuhan, atau masa atau hal yang abstrak.

Dari segi fakta, tiada salahnya pendapat orang ramai. Perkataan *rumah* adalah Nama bagi orang ramai dan bagi ahli bahasa. Dari segi takrif, golongan yang menganut fahaman mentalisme juga mempunyai takrif. Hanya sahaja dari segi falsafah, takrif mentalisme mempunyai kelemahan.

Takrif mentalisme tidak tahan uji. Diberikan data kepada orang lain, ia tidak akan mendapatkan takrif yang sama dengan takrif Nama menurut fahaman mentalisme yang asal. Akan kita temukan beberapa takrif lain untuk Nama yang berbeza antara satu sama lain dari segi perkataan-perkataan yang digunakan.

dalam takrif-takrif itu atau juga dari segi isi atau maksud takrif-takrif itu.

Ini berlainan dengan takrif Nama menurut fahaman strukturalisme. Siapa sahaja boleh melihat data di atas, atau data lain, dan kesimpulan yang didapati akan serupa. Umpamanya, ada 30 orang penuntut dalam sesuatu kursus. Kesemua mereka, jika menggunakan cara transformasi akan mendapatkan rumus seperti:

$$N \longrightarrow x/B + (PB) + -$$

di mana

x = apa saja

N = Nama

B = Bilangan

PB = Penjodoh Bilangan

Kesulitan yang lain ialah menghadapi masyarakat yang mempunyai anggapan bahawa Bilangan, Penjodoh Bilangan, Penunjuk, Namakhas dan Gantinama adalah juga Nama. Padahal, menurut fahaman strukturalisme, mereka itu adalah konsep-konsep yang berbeza dengan Nama. Mereka mempunyai kedudukan-kedudukan yang berbeza dengan kedudukan Nama.

Gantinama tidak boleh didahului oleh Bilangan atau Bilangan dan Penjodoh Bilangan, misalnya:

dua orang dia,
dua orang saya.

Namakhas juga tidak boleh didahului oleh Bilangan atau Bilangan dan Penjodoh Bilangan, misalnya:

*dua orang Ahmad,
*dua orang Siti.

Jadi, jelas Gantinama dan Namakhas bukan Nama. Demikian juga Bilangan, Penjodoh Bilangan dan Penunjuk bukan Nama. Mereka mempunyai kedudukan yang lain sama sekali dengan kedudukan Nama:

Bilangan adalah selepas Penjodoh Bilangan atau Nama, Penjodoh Bilangan adalah di antara Bilangan dan Nama, Penunjuk adalah selepas Nama.

Kesulitan yang cukup besar ialah melawan anggapan masyarakat bahawa sesuatu perkataan lain, misalnya *panjang*, boleh dianggap Nama jika perkataan itu boleh diletakkan pada sesuatu kedudukan Nama. Misalnya perkataan *tapak* adalah Nama kerana ia memenuhi takrif Nama menurut strukturalisme:

dua tapak
dua bidang tapak

Sekarang, tanpa Bilangan atau Bilangan dan Penjodoh Bilangan, kita boleh menemukan

tapak rumah
tapak kebun
tapak jalan

Sekarang kita lihat perkataan *panjang* boleh menggantikan perkataan Nama *tapak*, misalnya:

panjang rumah,
panjang kebun,
panjang jalan.

Masyarakat, tanpa mengetahui adanya takrif Nama secara strukturalisme, mengambil kesimpulan bahawa perkataan *panjang* juga adalah Nama berdasarkan bolehnya perkataan *panjang* menggantikan Nama *tapak*. Padahal, *panjang* bukan Nama berdasarkan takrif Nama menurut fahaman strukturalisme, iaitu: sesuatu perkataan selepas Bilangan atau Bilangan dan Penjodoh Bilangan. Perkataan *panjang* tidak boleh berada dalam kedudukan ini:

**dua panjang*
**dua batang panjang*

Masalah yang besar ialah menghadapi anggapan masyarakat bahawa hanya ada lapan atau sepuluh jenis perkataan dalam semua bahasa di dunia, iaitu:

- 1) Nama,
- 2) Perbuatan,
- 3) Sifatnama,
- 4) Sifatkata,
- 5) Sendinama,
- 6) Sendikata,
- 7) Katatanya, dan
- 8) Kataseru.

Padahal, menurut fahaman strukturalisme, jumlah jenis perkataan tidak tertentu. Lagipula, jumlah jenis perkataan itu tidak sama untuk semua bahasa di dunia. Ada bahasa yang mempunyai berpuluhan-puluhan jenis perkataan. Misalnya sahaja, BM, menurut pendapat saya, mempunyai tidak kurang daripada 19 jenis perkataan, iaitu:

- 1) Nama, iaitu perkataan yang selepas Bilangan atau Bilangan dan Penjodoh Bilangan, misalnya: *rumah*;
- 2) Bilangan, iaitu perkataan yang sebelum Penjodoh Bilangan atau sebelum Nama, misalnya: *dua*;
- 3) Penjodoh Bilangan, iaitu perkataan di antara Bilangan dan Nama, misalnya: *orang, ekor*;
- 4) Penunjuk, iaitu perkataan yang terletak di hujung sekali dalam sesuatu Rangkaikata Nama, misalnya: *itu, ini*;
- 5) Urutan, iaitu perkataan yang terletak selepas Nama: misalnya: *kedua, ketiga*;
- 6) Gelar, iaitu perkataan yang terletak sebelum Namakhas, misalnya: *si, Datuk*;
- 7) Namakhas, iaitu perkataan yang terletak selepas Gelar, misalnya: *Ahmad, Siti*;
- 8) Gantinama, iaitu perkataan yang boleh menggantikan seluruh Rangkaikata Nama atau Namakhas dengan Gelar, misalnya: *ia, aku*;

- 9) Perbuatan, iaitu perkataan yang terletak selepas Bantu Perbuatan, misalnya: *makan, pergi*;
- 10) Bantu Perbuatan, iaitu perkataan yang terletak sebelum Perbuatan, misalnya: *akan, mesti*;
- 11) Sifatnama ialah perkataan yang terletak selepas Sifatkata, misalnya: *pandai, besar*;
- 12) Sifatkata ialah perkataan yang terletak sebelum atau selepas Sifatnama, atau sebelum atau selepas sesuatu rangkaikata, misalnya: *sangat, hanya, sabaja*; atau perkataan yang terletak selepas Sendinama, misalnya: *sana, sini, situ*;
- 13) Sendinama ialah perkataan yang terletak sebelum Rangkaikata Nama atau Ayat, atau Sendikata, misalnya: *di, ke, untuk*;
- 14) Arah iaitu perkataan yang terletak di antara Sendinama dan Rangkaikata Nama, misalnya: *atas, belakang*;
- 15) Sendikata, iaitu perkataan yang terletak sebelum sesuatu Ayat, misalnya: *dan, yang, bahawa*;
- 16) Nafi, iaitu perkataan yang terletak sebelum Rangkaikata Predikat, misalnya: *tidak, bukan*;
- 17) Tanya, iaitu perkataan yang boleh menggantikan sesuatu perkataan, rangkaikata atau Ayat tertentu, misalnya: *mengapa, siapa*;
- 18) Ajakan, iaitu perkataan yang terletak pada permulaan Ayat, misalnya: *sila, mari*;
- 19) Seruan, iaitu perkataan yang boleh berdiri sendiri sebagai sesuatu Ayat, misalnya: *Amboi! Wab!*

Tetapi, kesulitan yang terbesar ialah memahamkan masyarakat kita bahawa, menurut strukturalisme, takrif sesuatu konsep itu dibuat berdasarkan hubungan antara konsep yang dimaksud dengan konsep-konsep lain (lihat takrif strukturalisme dalam perenggan pertama makalah ini) dan bukan berdasarkan hubungan antara sesuatu unsur (elemen, ahli sesuatu konsep) dengan unsur-unsur lain. Pengertian-pengertian konsep dan unsur adalah dua pengertian yang berbeza. Konsep, menurut salah satu kamus, misalnya *Webster's New World Dictionary*,

adalah “a generalization of a class of objects” ([satu kelas objek-objek yang digeneralisasikan]). Dan unsur (elemen, ahli) hanya-lah objek (benda) sahaja daripada sesuatu konsep.

Dari pengalaman saya mengajar linguistik selama ini, saya mengalami kesulitan memahamkan beza antara pengertian konsep dan unsur kepada penuntut-penuntut saya. Ini tidak menghairankan kerana kedua-dua pengertian ini cuba diterangkan sejak falsafah mula berkembang di Yunani lagi hingga timbulnya teori himpunan oleh Georg Cantor (yang baru dapat diterbitkannya hanya dalam tahun 1884) dan penemuan gambarajah Venn oleh John Venn dalam tahun 1880. Dalam bidang linguistik, beza antara kedua pengertian itu ternyata telah difahami oleh Panini dan pencipta-pencipta huruf-huruf dalam berpuluhan-puluhan bahasa di India sebelum tarikh Masehi lagi (misalnya terbukti sesuatu huruf dalam bahasa-bahasa itu mewakili fonem sebagai konsep dan bukan mewakili bunyi sebagai unsur). Kemudian, dalam akhir abad ke-19, Saussure dari Swiss mengemukakan pengertian-pengertian *signifie* dan *significant*, (dan juga *langue* dan *parole*). Pada masa sekarang Chomsky mengenalkan *competence* dan *performance*, dan juga *deep structure* dan *surface structure*). Semua itu kait-berkait antara satu sama lain dalam hubungan pengertian-pengertian konsep dan unsur.

Saya di sini tak larat lebih lanjut hendak menerangkan (mengulang) pendapat saya menyatakan bahawa strukturalisme adalah huraian yang jitu buat masa sekarang untuk hubungan konsep-konsep dan bukan hubungan unsur-unsur. Kerana, terlalu banyak istilah yang mesti diterangkan, beberapa di antara istilah-istilah itu telah disebutkan dalam perenggan sebelum ini. Istilah-istilah itu antaranya:

universal	bangsa/ bahasa/ suku/ loghat
<i>langue</i>	<i>parole</i>

competence performance
deep structure surface structure
abstrak nyata
konsep/ unsur/
himpunan/ ahli/
kelas/ elemen/
simbol/ objek/
representasi
signifie significant/
signified signifier
petanda penanda

dalam logika/matematik:

(wacan) **A** (signifie) tafsir (signified)
mewakili (signifie) sebab (signified)
pasca (signifie) Kecenderungan (signified)
dalam linguistik:
fonem bunyi /k/ /h x g s/
morfem imbuhan {-ren, -en, -o, -es, -s}

$\left[z_1 \right]$

[MEN] **bel, be, ber-**
(wacan) **menge-, mem-, mem-**
Nama **rumah**.

dalam sastera:

31 kejadian menurut

Propp, misalnya:

ketidakhadiran

Shahnon Ahmad dan keluarga di Canberra pada pagi Idulfitri. konsep dan (“Igau”)

pekerjaan ini berdasarkan konsep yang dimaksud dengan konsep-konsep lain. Pengertian perenggan pertama makalah ini adalah bungan antara sesuatu unsur dengan unsur lain. Pengertian pengaruh unsur adalah dua pengertian yang berbeda. Slogon saish satu kamus, misalnya Webster's New World Dictionary.

dalam antropologi:

*saudara bungsu
lelaki ayah uju*

dalam sosiologi:

SES kelas bawah penoreh getah

3. Kebaikan-kebaikan Strukturalisme

Anda tentu boleh melihat bahawa beberapa takrif jenis-jenis perkataan tertentu kelihatan tidak begitu kemas. Misalnya sahaja takrif Sifatkata. Terlihat ada lima letak yang berbeza-beza untuk Sifatkata, iaitu:

- (a) Sebelum Sifatnama, misalnya: *paling*;
- (b) Selepas Sifatnama, misalnya: *sekali, benar*;
- (c) Sebelum rangkaikata, misalnya: *hanya*;
- (d) Selepas rangkaikata, misalnya: *sahaja*;
- (e) Selepas Sendinama, misalnya: *sana, sini, situ*.

Terus terang, saya hanya boleh membuat takrif Sifatkata hanya sebegitu sahaja.

Walaupun demikian, saya tetap beranggapan bahawa pendekatan strukturalisme masih lebih unggul daripada pendekatan mentalistik untuk memberikan takrif jenis-jenis perkataan kerana takrif yang dibuat berdasarkan pendekatan strukturalisme adalah tahan uji, salah satu syarat kaedah penyelidikan ilmu. Sifat tahan uji ini tidak ada pada pendekatan mentalisme.

Lagipula, takrif atau aturan yang didapat berdasarkan pendekatan strukturalisme sangat praktis, iaitu akal diperlukan sangat minimal sekali untuk mengetahui sesuatu konsep, misalnya Nama. Dari kedudukannya dalam struktur di bawah ini:

dua ekor benturung

tahulah kita bahawa *benturung* adalah Nama. Kita tidak perlu tahu akan makna perkataan *benturung* itu. Kita tidak memerlukan sebuah kamus untuk melihat makna perkataan *benturung*.

Atau kita tidak perlu mencari seseorang Melayu untuk menerangkan apakah makna perkataan *benturung* itu.

Pendekatan mentalisme tidak praktis. Kita tidak akan tahu jenis perkataan benturung sebelum kita diberitahu oleh penutur asli makna perkataan itu.

Aturan-aturan yang dibuat berdasarkan strukturalisme boleh menerangkan dan menerbitkan rangkaikata atau ayat. Misalnya sahaja, ada nahu BM seperti di bawah ini:

NAHU BM

“Ayat”

1. Ayat → RN + RB
2. RN → B + PB + N
3. RB → BP + P
4. P → *pergi, makan*
5. BP → *akan, mesti*
6. N → *guru, murid*
7. PB → *orang*
8. B → *dua, tiga*

di mana

RN	= Rangkaikata Nama
RP	= Rangkaikata Perbuatan
P	= Perbuatan
BP	= Bantu Perbuatan
N	= Nama
PB	= Penjodoh Bilangan
B	= Bilangan

Dengan aturan-aturan nahu di atas, kita boleh menerangkan atau menerbitkan ayat-ayat seperti di bawah ini:

- Dua orang guru akan pergi.
Tiga orang guru akan pergi.
Dua orang guru mesti pergi.
Tiga orang guru mesti pergi.
Dua orang guru akan makan.
Tiga orang guru akan makan.*

Dua orang guru mesti makan.

Tiga orang guru mesti makan.

Aturan-aturan yang dibuat dengan pendekatan mentalisme hanyalah boleh menerangkan ayat-ayat di atas. Itupun diperlukan kamus untuk mengetahui makna setiap perkataan dalam ayat-ayat di atas. Pendekatan mentalisme tidak akan dapat menerbitkan rangkaikata-rangkaikata atau ayat-ayat.

Ternyata, aturan-aturan yang dibuat dengan pendekatan strukturalisme sedemikian mudahnya dipakai, hatta oleh seseorang dengan penggunaan otak yang minimal atau sesuatu yang tidak mempunyai otak sama sekali atau tidak tahu BM, misalnya komputer. Demikian baiknya pendekatan strukturalisme.